

PEACOCK BASS

IKAN PACU

JANGAN DILEPAS PEMANGSA!



Spesies asingancam populasi ikan asli tempatan ekoran keupayaan membiak dengan cepat

HM 12/05/24 MIs 25

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Lepaskan anak atau ikan pemangsa (invasif) untuk tujuan ritual keagamaan dan membayar nazar.

Itu tindakan pihak tidak bertanggungjawab di Sungai Hulu Bernam, Hulu Selangor yang dikesan Jabatan Perikanan (DOF) apabila video mengenainya tular, baru-baru ini.

Jika sebelumnya, ikan invasif dibawa masuk bagi tujuan hobi atau dibela dalam akuarium, namun kemudian dilepaskan segelintir individu ke sistem saliran tempatan apabila tidak lagi mampu mengendalikannya.

Antara spesies asing ini seperti

baung ekor merah, peacock bass dan pacu mempunyai keupayaan membiak serta boleh membesar dengan cepat dan terus berkembang.

Sebahagian daripadanya juga boleh bertahan dalam keadaan air yang tercemar seperti ikan keli afrika dan ikan bandar raya (ikan pleco).

Pengarah Perikanan Selangor Noraisyah Abu Bakar berkata, pihaknya tidak pernah melarang atau menyekat sesiapa untuk melakukan upacara nazar namun dengan syarat tidak melepaskan ikan invasif ke dalam perairan umum.

Justeru tegasnya, orang awam perlu cakna dan tidak mengambil mudah akan pencerobohan ini



KAKITANGAN jabatan perikanan memeriksa kawasan Sungai Hulu Bernam..

atas apa sahaja alasan termasuk keagamaan, sosial dan masalah untuk memeliharanya.

"Semua pihak berhasrat mele-

pasikan ikan ke perairan umum dimohon untuk mendapatkan khidmat nasihat dari Pejabat Perikanan Daerah yang terdekat.

"Ini kerana dari hasil program inventori yang dijalankan serta maklum balas dari nelayan darat mendapati beberapa sungai utama negeri ini kini dikesan menjadi habitat ikan pemangsa antaranya Sungai Klang, Sungai Langat, Sungai Selangor dan Sungai Bernam serta di beberapa tasik juga kolam takungan.

"Spesies ini mula mengancam populasi ikan asli tempatan seperti ikan kelah, temoleh, jelawat, lampam, tenggalan, kerai, terbul, sebarau, baung serta udang galah yang selama ini mendiami perairan tersebut," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Sehubungan itu, Noraisyah berkata, DOF sangat menggalakkan pelepasan ikan seperti lampam asli, udang galah, baung dan sebagainya.

BAUNG EKOR MERAH



GAMBAR tular didakwa menunjukkan individu melepaskan ikan di Sungai Hulu Bernam.